

TARIKH	22 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	18	RUANGAN	Nasional

## 274 sertai klinik SPM Kelab TaHa

**Nibong Tebal:** Seramai 274 pelajar dari 10 sekolah menengah negeri ini, menyertai Klinik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tajaan Tabung Haji menerusi Kelab TaHa bersama BH.

Pelajar yang ditemui di lokasi klinik di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Nibong Tebal, di sini, berpuas hati dengan cara penyampaian guru undangan sekali gus menambah keyakinan mereka menduduki peperiksaan penting November ini.


Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi (SMKT) Bukit Mertajam, Rasyidah Mohd Hatta, 17, berkata, banyak tips dan maklumat mengenai teknik menjawab soalan dengan betul diperoleh sepanjang

program satu hari itu.

"Program hari ini (sema-lam) boleh dianggap sebagai ulang kaji daripada apa yang sudah dipelajari. Apa yang disampaikan guru undangan itu satu bonus dan membuatkan saya lebih bersedia menjawab soalan pada hari peperiksaan nanti," katanya.

Pelajar dari Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra, Nadia Mohd Hazari, 17, menyifatkan klinik itu mampu meningkatkan pengetahuan mengenai kaedah menjawab soalan serta memperoleh markah dalam peperiksaan.

"Saya menasarkankan 10A+ dalam SPM. Insha-Allah, saya bertambah yakin mampu memperolehnya selepas



Peserta akui Klinik SPM Kelab TaHa di Nibong Tebal, **tambah keyakinan hadapi peperiksaan.** (FOTO SITI AZILA ALIAS/BH)

menghadiri klinik pada hari ini," katanya yang bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi Malaysia dalam jurusan elektrik.

Bagi Muhammad Najmuddin Abd Razak, 17, dari SMK Jawi, klinik berkenaan program kedua yang disertai da-

lam mempersiapkan dirinya untuk menghadapi SPM.

Pengurus Kewangan, Tabung Haji Pulau Pinang, Liana Ramli, berkata program itu memberi manfaat kepada peserta sebagai persediaan awal untuk menghadapi peperiksaan.